

23/08/2003

Malaysia mahu Thailand sekat beras seludup

TEMERLOH: Malaysia akan meminta bantuan Thailand bagi membanteras penyeludupan beras dari negara jiran apabila siasatan menyeluruh dalam negara mengennainya selesai.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kerajaan kini mengumpul maklumat dari pelbagai aspek mengenai penyeludupan berkenaan dan akan mendapatkan kerjasama negara jiran itu bagi mengatasinya.

"Bagi penyeludup beras, mereka beli di mana-mana untuk bawa masuk ke negara kita. Itulah menjadi masalah kerana tidak ada kawalan. Setahu saya, dari pihak negara jiran, mereka tidak membuat pemeriksaan dulu sama ada beras yang dibawa masuk ke Malaysia itu diseludup atau tidak.

"Mereka hanya membolehkan beras dari negara mereka dibawa masuk ke negara ini," katanya selepas upacara pecah tanah projek Perumahan Rakyat Dimiliki di Kampung Pamah Kasih, dekat sini semalam.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan merangka beberapa strategi bagi membanteras kegiatan penyeludupan beras yang semakin berleluasa sekarang.

Katanya, perbuatan itu jika dibiarkan bukan saja menjejaskan industri beras tempatan, tetapi akan mengakibatkan negara kerugian dari segi kutipan cukai daripada syarikat yang terbabit dalam perniagaan komoditi itu.

Abdullah berkata, Malaysia bagaimanapun tidak menyalahkan negara jiran berkenaan dalam masalah penyeludupan beras kerana mereka hanya mahu mengeksport bahan itu.

"Dengan itu, sudah tentu mereka tidak akan tanya apakah beras yang dibawa ini untuk diseludup, ada polis atau tidak. Mereka tidak tahu dan kita tidak boleh katakan ini satu perbuatan pihak jiran untuk menyusahkan kita.

"Sebenarnya masalah itu adalah dari kita. Tapi kalau perkara ini menjadi-jadi kita kena dapat kerjasama pihak berkuasa negara berkenaan," katanya.